

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 AUGUST 2016

Kerajaan tak cadang pinda Perlembagaan Persekutuan

BH-29/8/2016

➔ Dr M perlu tanggung kesan keputusan dibuat ketika memimpin negara selama 22 tahun

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan memabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1993 ketika menjadi Perdana Menteri.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, Dr Mahathir perlu bertanggungjawab dengan keputusan yang dibuatnya ketika memimpin negara selama 22 tahun.

Hishammuddin yang juga Naib Presiden UMNO, berkata hujah yang diketengahkan Dr Mahathir ketika ingin meminda Perlembagaan itu, untuk memastikan tidak ada pihak atau

institusi tertentu yang boleh menidakkan usaha kerajaan pimpinannya membangunkan negara bangsa.

“Bagaimanapun, pada hari ini hujahnya berbeza dan kadang-kadang kita tertanya pada diri kita, sama ada pada masa ketika itu, Tun betul-betul ikhlas minta kita sokong usaha itu, namun hari ini memohon maaf pula kepada duli Tuanku Raja-Raja Melayu,

“(Sehubungan itu) kita tidak boleh mengalihkan tiang gol,” katanya ketika ditanya sama ada UMNO akan meminta kerajaan untuk meminda semula Perlembagaan Persekutuan berkaitan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Gombak, di Setiawangsa di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Gombak, Abdul Ra-

him Kamarudin.

Pinda Perlembagaan

Pada Khamis lalu, Dr Mahathir memohon maaf secara terbuka berhubung tindakannya membuat pindaan terhadap perkara memabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri.

Pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan itu dibuat pada 1993 ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri yang bertujuan mengurangkan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Hishammuddin berkata, tindakan Dr Mahathir itu ibarat ‘buat tidak serupa bikin’.

“Konsistensi dalam perjuangan itu adalah sesuatu yang akan dinilai oleh generasi akan datang dan ini akan menjadi satu perkara yang akan dihukum oleh generasi selepas kita ini,” katanya.